

## KOMUNIKASI BERKESAN DI MEDIA SOSIAL: PENDEKATAN IBNU KHALDUN

**Sulaiman Salleh**

Jabatan Bahasa Inggeris dan Komunikasi,  
Fakulti Pengurusan dan Muamalah,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia  
[sulaiman@kuis.edu.my](mailto:sulaiman@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

Kelebihan yang terdapat pada media sosial berbanding media cetak atau elektronik kerana keupayaan penyampaian maklumatnya begitu cepat sampai kepada khalayak. Hanya beberapa saat selepas dimasukkan ke dalam laman sesawang, ianya berupaya dibaca oleh berjuta-juta pembaca atau penonton. Malah, terdapat di kalangan pengamal media sosial bersikap berlumba-lumba mengisi maklumat di media sosial membuatkan maklumat samada dalam bentuk visual, gambar atau penulisan yang dipaparkan kurang tepat daripada maklumat sebenar. Seorang tokoh sosiologi Islam, Ibnu Khaldun (1332-1406 Masihi) pernah memberikan beberapa pandangan mengenai masalah berkaitan penyebaran maklumat antaranya harus teliti, dan tidak mudah menerima atau mempersetujui sumber yang diperolehi. Kurang ketelitian dan menerima sesuatu maklumat tanpa usul periksa akan menyebabkan pemihakan kepada sesuatu pihak sahaja. Selain itu, tokoh ini turut menyatakan mengenai keyakinan melampau, tersilap menafsir maklumat, tidak jelas maksud yang tersirat, gagal meletakkan sesuatu peristiwa dalam seluruh keadaan, mengampu, jahil mengenai fitrah dan membesar-besarkan sesuatu hal antara punca sesuatu maklumat kurang berkesan dan menyeleweng daripada maklumat yang sebenarnya.

**Kata kunci:** *Komunikasi, berkesan, media sosial*

---

### 1. Pengenalan

Kelebihan yang terdapat pada media sosial berbanding media cetak atau elektronik kerana keupayaan penyampaian maklumatnya begitu cepat sampai kepada khalayak. Hanya beberapa saat selepas dimasukkan ke dalam laman sesawang, ianya berupaya dibaca oleh berjuta-juta pembaca atau penonton. Malah, terdapat di kalangan pengamal media sosial bersikap berlumba-lumba mengisi maklumat di media sosial membuatkan maklumat samada dalam bentuk visual, gambar atau penulisan kurang tepat daripada maklumat sebenar.

Seorang tokoh sosiologi Islam, Ibnu Khaldun (1332-1406) pernah memberikan beberapa pandangan mengenai masalah berkaitan penyebaran maklumat antaranya harus teliti, dan tidak mudah menerima atau mempersetujui sumber yang diperolehi. Kurang ketelitian dan menerima sesuatu maklumat tanpa usul periksa akan menyebabkan pemihakan kepada sesuatu pihak sahaja.

Selain itu, tokoh ini turut menyatakan mengenai keyakinan melampau, tersilap menafsir maklumat, tidak jelas maksud yang tersirat, gagal meletakkan sesuatu peristiwa dalam seluruh keadaan, mengampu, jahil mengenai fitrah dan membesar-besarkan sesuatu hal antara punca sesuatu maklumat kurang berkesan dan menyeleweng daripada maklumat yang sebenarnya.

Menurut Mohd Farid Mohd Shahrani (2008), seperti lain-lain sarjana Islam yang menghasilkan karya mereka semasa kegemilangan tamadun Islam, Ibnu Khaldun turut menghasilkan karya yang mempunyai kesejagatan idea-idea serta perbincangan yang ditulis berdasarkan pandangan Islam, melampaui ruang waktu dan geografi hingga membolehkannya dibaca dan ditelaah hingga generasi seterusnya.

“Jika ditinjau dalam tradisi keilmuan Islam, sifat kesejagatan ini amat berkait dengan bidang-bidang yang lebih bersifat akhlah seperti falsafah, metafizik, kalam, tasawwuf dan juga bidang-bidang yang bersifat *second-order*.”

Mohd Farid seterusnya berkata, karya-karya yang dihasilkan oleh sarjana Islam terdahulu adalah praktikal terutama dari segi kesejagatan berdasarkan agama Islam yang membolehkannya diulang baca dan dimanfaatkan oleh banyak generasi yang mendatang.

Dinyatakan, kegagalan umat Islam masa kini menghayati karya agung yang pernah dihasilkan oleh sarjana Islam terdahulu kerana ketidakmampuan mereka untuk melihat hubungan dan kaitan dengan perkara yang dibincangkan.

### ***Sejarah Ringkas Kehidupan Ibnu Khaldun***

Ibnu Khaldun pernah menulis autobiografi mengenai dirinya dalam al-Ta’rif bi Ibn Khaldun wa Rihlatuhu Gharban wa Sharqan. Catatan beliau sebahagian besarnya mengenai dirinya, tugas-tugas rasmi di Afrika Utara, Andalus, Mesir dan Dimashq.

Tokoh ini dilahirkan di Tunis pada 27 Mei 1332 Masehi. Nama sebenar beliau adalah Abd Al-Rahman Ibn Muhammad Ibn Khaldun. Beliau seorang pakar dalam bidang sains sosial moden, pakar sejarah kebudayaan, pakar falsafah awal yang tidak berasaskan keagamaan, sosiologi, astronomi, numerologi dan kimia.

Karya agung beliau, Muqaddimah mengisahkan sejarah orang-orang Arab dan Barber. Karya beliau ini mengandungi pendekatan saintifik mengenai pemahaman sejarah, politik, dan ekonomi. Ibn Khaldun juga mempercayai bahawa perkara yang di kurniakan Allah boleh dibuktikan secara empirikal (secara pengalaman dan kajian).

Ibn Khaldun juga memajukan konsep ekonomi, perdagangan dan kebebasan. Ibn Khaldun membangunkan idea bahawa tugas kerajaan hanya terhad kepada mempertahankan rakyatnya dari keganasan, melindungi harta persendirian, menghalang penipuan dalam perdagangan, mencetak dan menguruskan penghasilan wang, dan melaksanakan kepimpinan politik bijaksana dengan perpaduan sosial dan kuasa tanpa paksaan.

Dalam segi ekonomi, Ibn Khaldun memajukan teori nilai dan hubungkaitnya dengan tenaga buruh, memperkenalkan pembahagian tenaga kerja, menyokong pasaran terbuka, menyedari kesan dinamik permintaan dan bekalan keatas harga dan keuntungan, menolak cukai yang tinggi, menyokong perdagangan bebas dengan orang asing, dan percaya kepada kebebasan memilih bagi membenarkan rakyat bekerja keras untuk diri mereka sendiri.

Menurut Ezad Azraai Jamsari, Jaffary Awang (2006), sepanjang hayatnya, Ibnu Khaldun berjaya menghasilkan beberapa penulisan yang masyhur yang lebih kepada penganalisan pengalamannya dalam bidang keilmuan dan pergaulan beliau dengan pelbagai masyarakat. Antaranya, karya *kitab al-Ibar* (Sejarah Dunia) dan bahagian awal *Muqaddimah* memberi kupasan terperinci mengenai teori kemasyarakatan dan kenegaraan.

“Konsep ‘asabiyyah’ adalah konsep yang dianggap oleh Ibn Khaldun sebagai esensi utama dalam proses nilai kemasyarakatan dan pembentukan negara. Karya-karya yang dihasilkan membolehkan beliau dianggap sebagai perintis dan orang pertama merumuskan teori-teori sosiologi.”

Antara jawatan yang pernah disandang oleh sarjana Islam ini adalah:

1. Duta Raja Moor di Granada (bawah pemerintahan Tinisia dan Morocco, tahun 1363).
2. Semasa belajar ke Aleandria pada Oktober 1382-1387, beliau pernah dilantik sebagai guru dan pensyarah, antaranya pensyarah di Universiti Al-Azhar serta beberapa universiti lain pada masa itu.
3. Pernah dilantik sebagai Hakim Diraja, oleh Sultan Abul Abbas (Cairo).
4. Pernah menyertai orang-orang Mesir dalam kempen mereka memerangi Tamerlane, pemerintah Mongol, dan bertanggung jawab mengatur penyerahan diri bandar Damsyik semasa ketiadaan Sultan Faraj.

Ibnu Khaldun meninggal dunia pada 16 Mac 1406 Maeshi iaitu pada zaman pertengahan kegemilangan Islam.

## **2. Objektif Kajian**

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji pendekatan Ibnu Khaldun dalam menyampaikan maklumat berkesan kepada masyarakat. Kajian ini dilakukan juga bagi mendapatkan langkah-langkah sesuai untuk dipraktiskan bagi mengatasi masalah ketidaktepatan maklumat di Media Sosial hari ini.

## **3. Permasalahan Kajian**

- a. Masyarakat hari ini berhadapan ketidaktepatan maklumat di media sosial.
- b. Masalah yang kurang atau tidak tepat berupaya menimbulkan fitnah hingga mengugat kestabilan masyarakat.

### ***Evolusi Media Sosial***

Media sosial adalah peralatan yang menggunakan perantaraan komputer bagi membolehkan orang ramai mencipta, berkongsi atau bertukar-tukar maklumat, idea, gambar, atau video dalam komuniti rangkaian maya.

Berikut adalah evolusi media sosial bermula ianya wujud hingga penyelidikan ini dilengkapkan:

<b>No./Era</b>	<b>Era Primitif Media Sosial</b>	<b>Era Pertengahan Media Sosial</b>	<b>Era Keemasan Media Sosial</b>
1.	Tahun 1979 – Usenet: mengepos berita kepada kumpulan berita. BBS (Bulletin Board System) – lewat 70-an, tapak web pertama dengan pilihan login untuk interaksi	Tahun 1988 – Pengenalan kepada internet Relay Chat (IRC): perkongsian fail, perkongsian pautan (link), dan terus berhubung.	Tahun 2001 – Wikipedia: Ensiklopedia percuma dalam talian telah dilancarkan.
2.	Tahun 1980 – Compuserve: sembang (chat) pertama diperkenalkan.	Tahun 1996 – Pengenalan kepada ICQ: Permesejan dengan ramai pengguna, permainan dengan ramai pemain, membuatkan ikon emosi (emoticon) dan singkatan seperti “LOL” dan “BRB” menjadi terkenal.	Tahun 2002 - Friendster: Beroperasi dengan membenarkan orang ramai untuk bertemu orang baru dan meningkatkan rangkaian mereka.
3.	Tahun 1984 – Prodigy Communication Corporation: Perintis portal dalam talian dan berita dalam talian.	Tahun 1997 – Six Degrees: Gambaran media sosial pertama yang mirip pada hari ini seperti mencipta profil dan menambah rakan.	Tahun 2003 – Hi5: Disertakan perkongsian foto, kumpulan pengguna, permainan sosial, kemaskini status.
4.		Tahun 1999 – Live Journal: Pertama diperkenalkan kepada kandungan dinamik di blog dan forum, mencipta kumpulan, dan berinteraksi.	Tahun 2003 – MySpace: Pemesejan persendirian, ulasan awam diposkan kepada profil pengguna, buletin dihantar kepada rakan.
5.			Tahun 2004 – Facebook: Dibuka hanya untuk pelajar University Havard. Pada tahun 2006, ia menjadi platform media

			sosial yang berprestasi terbaik sehingga kini dengan lebih 1.44 bilion pengguna aktif.
6.			Tahun 2004 – Orkut: Dimiliki oleh Google, bertemu kawan baru dan lama, mengelaskan kawan, menukar tema, dan sebagainya.
7.			Tahun 2004 – Flickr: Platform perkongsian foto.
8.			Tahun 2005 – Youtube: Platform pertama untuk mengelolakan aliran dan perkongsian video.
9.			Tahun 2005 – Reddit: Platform hiburan dan jaringan sosial.
10.			Tahun 2006 – Twitter: Sebuah platform blog mikro dengan format soalan dan jawapan.
11.			Tahun 2007 – Tumblr: Platform aliran langsung dan penulis blog mikro.
12.			Tahun 2009 – WhatsApp: Sebuah aplikasi berasaskan iOS, Android, dan Windows untuk sembang peribadi serta berkumpulan.
13.			Tahun 2012 – Snapchat: Platform baru untuk bersembang dengan mengedipkan gambar.
14.			Tahun 2012 – Tinder: Sebuah aplikasi penemuan sosial untuk peranti iOS dan Android.
15.			Tahun 2013 – Vine:

			Sebuah aplikasi sosial berbilang platform untuk perkongsian video.
16.			Tahun 2014 – Pheed: Sebuah platform media sosial dengan pilihan siaran langsung.

Sumber: Majalah PC, Oktober 2015, Kumpulan Karangkrak Sdn Bhd.

#### 4. Hasil Kajian

Menurut Ibnu Khaldun untuk memastikan komunikasi penulisan berkesan, boleh disesuaikan dengan peranan penerima dan penyumbang di media sosial masa kini iaitu:

a. **Harus teliti** dan tidak mudah menerima atau memersetujui sumber yang diperolehi. Kurang ketelitian dan menerima sesuatu maklumat tanpa usul periksa akan menyebabkannya berpihak kepada sesuatu pihak sahaja.

“... tidak menyedari tujuan sesuatu kejadian. Kebanyakan tukang cerita tidak menyedari betapa dia harus lebih teliti sesuatu yang dia teliti atau tentang segala sesuatu yang dia pelajari melalui penceritaan itu. Dia mengatur maklumat itu, menyatakan peri pentingnya sebagaimana yang dia andaikan atau membayangkan ianya ada. Hasilnya ialah suatu kepalsuan semata.”

b. **Keyakinan melampau.** Keyakinan seperti ini sering berpunca daripada pemberi maklumat yang mampu menakutkan, sikap penulis yang mudah dipengaruhi atau sebagainya. Sikap seperti itu akan menyebabkan penulis menerima segala maklumat tanpa usul periksa. Kesannya kemungkinan penulis akan menerima maklumat palsu yang pada anggapannya ia adalah benar.

“ ... andaian yang tidak berasas tentang kebenaran sesuatu hal. Hal sebegini sering kali terjadi. Ia berlaku disebabkan terlalu mempercayai apa yang disampaikan oleh si tukang cerita.”

c. **Tersilap menafsir maklumat.** Terdapat penulis yang tersilap menafsir maklumat yang didengar atau diterima. Sebaliknya, difahami maklumat itu mengikut tafsirannya sendiri. Kesannya, maklumat itu tidak mengikut seperti mana yang dimaksudkan oleh pemberi maklumat.

“... kepalsuan itu tidak dapat dielakkan ialah kerana terlalu bergantung kepada maklumat yang diceritakan oleh seseorang tukang cerita.”

d. **Tidak jelas maksud yang tersirat.** Kesilapan seperti ini kebiasaannya membabitkan maklumat yang sukar dijelaskan dengan kata-kata. Penulis mempunyai

peranan untuk menjelaskan dalam bahasa yang mudah melalui tulisan atau laporannya. Harus diingati bahawa terdapat pemberi maklumat yang sukar menjelaskan sesuatu perkara melalui kata-kata.

“... ketidaktahuannya tentang bagaimana keadaan-keadaan itu sesuai dengan realiti. Keadaan-keadaan itu sering dipengaruhi oleh kekaburan dan tokoh tambah yang palsu. Seseorang informan itu akan melaporkan seperti apa yang dilihatnya, tetapi mengenai tokoh tambah yang palsu itu dia sendiri tidak berupaya untuk memberikan suatu gambaran yang benar mengenainya.”

e. **Gagal meletakkan sesuatu peristiwa dalam seluruh keadaan** atau latar belakang yang sebenar. Kejadian ini berlaku disebabkan oleh kekaburan atau kerumitan sesuatu peristiwa.

“Sebaliknya, untuk memastikan benar dan munasabahnya sesuatu maklumat itu atau tentang fakta kejadian-kejadiannya, suatu syarat yang harus difikirkan ialah sama ada ianya sesuai atau tidak sesuai sebagaimana yang dilaporkan dengan syarat-syarat umum.”

f. **Mengampu.** Perbuatan mengampu mereka yang berkedudukan lebih tinggi dengan cara memuji dan menyebarkan kemasyhuran atau kehebatan seseorang individu. Kesannya maklumat sedemikian memberi gambaran yang serong terutama membabitkan individu berkenaan.

“... pada hakikatnya kebanyakan cenderung menemu bual orang-orang yang berkuasa dan berkedudukan tinggi dengan puji-pujian dan sanjungan. Mereka juga mengembar-gemburkan sikap baik mereka dan menghebohkan kemasyhuran mereka. Maklumat yang dihebahkan itu adalah tidak dibuat secara jujur. Manusia sememangnya berasa senang apabila dipuji, dan manusia itu memberikan banyak tumpuan untuk mendapatkan kesenangan di dunia ini dan sentiasa berusaha mendapatkan kedudukan serta kekayaan yang boleh dicapai. Lazimnya, mereka tidak suka melakukan perbuatan yang mulia dan tidak menyukai orang-orang yang berbuat amal kebaikan.”

g. **Jahil mengenai fitrah** atau *natures* sesuatu perkara. Kejadian ini memerlukan peningkatan ilmu pengetahuan. Hanya melalui ilmu dan ketepatan dalam menafsir fitrah atau *nature* dapat membezakan antara kebenaran dan kepalsuan terutamanya membabitkan hukum alam.

“Ketidaktahuan tentang sifat semula jadi keadaan yang wujud dalam peradaban. Setiap peristiwa (atau fenomena), baik yang berhubungan dengan bahagian intipati mahupun yang (disebabkan oleh) perbuatan, tidak dapat tidak pasti mempunyai hal semula jadi yang khas untuk intipatinya, dan juga untuk keadaan-keadaan yang akibat sifat semula jadi sesuatu peristiwa itu dan keadaan serta syarat-syarat di dalam dunia eksistensi, pengetahuan itu akan membantunya untuk membezakan yang benar daripada yang tidak benar

sewaktu memeriksa maklumat sejarah itu secara kritisnya. Ia adalah jauh lebih berkesan dalam memeriksa maklumat yang kritis daripada aspek lain yang berbangkit dalam hubungannya dengan hal tersebut.”

**h. Membesar-besarkan sesuatu hal.** Perbuatan membesar-besarkan sesuatu hal hingga melebihi batasan fikiran adalah disebabkan keasyikan bercerita atau menulis mengenai hal berkenaan. Perkara ini berlaku sering disebabkan oleh penulis atau wartawan berkenaan sengaja melakukannya bagi meningkatkan jualan akhbar, majalah dan lain-lain penerbitan tempatnya bekerja. Bagaimanapun, perbuatan itu dapat dinilai kebenarannya melalui pengalaman atau ilmu berkaitan dengannya.

“Jika seseorang itu berpihak kepada suatu pendapat atau kelompok, maka dia akan dengan serta-merta menerima setiap maklumat yang sealiran dengan pendapat sesuatu kelompoknya. Sikap buruk sangka dan berpihak itu akan menghalang seseorang daripada berfikir secara kritis dan menghalang penyelidikan yang wajar. Akibatnya ialah sesuatu yang tidak sah itu diterima dan disampaikan.”

Pandangan yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun turut disokong oleh ilmuwan tempatan, Mohamad Md. Yusoff (2000). Beliau menyatakan pembangunan masyarakat di Malaysia dan masyarakat dunia pada masa akan datang akan saling bergantung di antara satu sama lain.

“Pada prinsipnya komunikasi sebagai satu konsep mempunyai pengertian yang amat luas, namun secara umum ianya dapat dikonsepsikan bukan sahaja sebagai proses pertukaran maklumat dan berita, tetapi juga sebagai tindakan, aktiviti individu atau kumpulan yang merangkumi tugas penyaluran dan perkongsian idea, fakta, serta data.”

Mohamad berkata, dalam sistem sosial sesebuah masyarakat komunikasi mempunyai banyak fungsi antaranya, mengumpul, menyimpan, memproses dan mentransmisikan maklumat, data atau fakta. Komunikasi juga dikatakan berfungsi sebagai alat sosialisasi untuk membolehkan individu dan kumpulan dalam masyarakat berinteraksi dan beroperasi sebagai anggota masyarakat secara efektif.

Menurut Mohamad lagi, komunikasi juga merupakan alat mendapatkan pengetahuan untuk perkembangan intelektual; pembentukan watak; penguasaan kemahiran pada semua peringkat kehidupan; alat untuk menyalurkan dan memperkembangkan produk-produk dan warisan bangsa; memberi hiburan; dan memupuk intergrasi dalam masyarakat.

## **5. Penutup**

Media sosial akan terus berkembang dari semasa ke semasa. Pengguna media yang semakin berkembang pesat serta menjangkau negara-negara di serata dunia harus mempunyai satu sikap yang sewajarnya supaya maklumat yang disampaikan diperolehi daripada sumber yang sah. Seterusnya, maklumat berkenaan disampaikan dengan cara serta kaedah yang sesuai bagi mengelakkannya berubah menjadi sesuatu maklumat yang menyeleweng daripada fakta yang sebenarnya.



Pandangan daripada Ibnu Khaldun adalah sebahagian daripada kaedah yang boleh digunakan untuk menyelesaikan konflik serta penyelewengan maklumat di media sosial di masa kini. Masih diperlukan kajian lain untuk membantu maklumat yang disampaikan di media sosial berkesan serta tidak menyeleweng daripada fakta sebenar.

Semoga penyelidikan yang dilakukan ini memberi manfaat kepada masyarakat pengguna media sosial yang seharusnya kembali kepada fitrah diri manusia itu sendiri. Fitrah sebagai hamba Allah S.W.T. Penyampian maklumat yang bermanfaat di media sosial berupaya membangunkan masyarakat dan negara. Sebaliknya, kesan buruk akan berlaku jika penggunaannya sebagai medium fitnah, menyebarkan fahaman sesat dan sebagainya akan merosakkan sesuatu masyarakat dan sesebuah negara.

## **Rujukan**

- Everett M. Rogers (terjemahan: Zulkarnaina Mohd Mess). (1993). *Teknologi Komunikasi: Media Baru dalam Masyarakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Ibnu Khaldun. (Terjemahan). (2002). *Mukadimah*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohamad Md. Yusoff. (2000). *Media dan Masyarakat: Satu Kumpulan Esei*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohd Farid Mohd Shahrn. (2008). *Isu-isu Dalam Pemikiran Islam*. Angkatan Belia Islam Malaysia. Kuala Lumpur.
- Mohd Fauzi Hamat, Mohd Fakhrudin Abd. Mukti, & Che Zarrina Sa'ari (Penyunting). (2006). *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- [www.wikipedia.com.my](http://www.wikipedia.com.my)